



SULTAN Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah (dua dari kiri) bersama Saifuddin (kiri) dan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Datuk Dr Ahmad Bashawir Abdul Ghani (tiga dari kiri) melihat produk makanan ketika melawat pameran selepas majlis Pelancaran Food Bank Siswa UUM di Sintok, semalam.

duk bersama orang lain dan kemudian dia jugalah yang akan berpisah," katanya.

Saifuddin berkata, walaupun rekod lalu itu akan menilai mereka dalam kerjasama terbaru ini, ia sebenarnya memberi petanda positif terhadap sistem dua parti di Malaysia.

"Kita boleh lihat di satu sudut, kita ada PH dan satu sudut lagi ada penyatuhan Pas-Umno. Mereka ini akan mengambil satu identiti sendiri."

"Kemudian, politik Malaysia akan boleh dihidangkan dengan persaingan pelbagai dasar seperti dasar perumahan PH dan dasar perumahan

Umno, Pas bersatu kerana PH

Jelebu: Kerjasama rasmi antara Umno dan Pas terbentuk berikutan kekalahan kedua-dua parti itu pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) yang lalu.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Negeri Sembilan Tan Sri Dr Rais Yatim yakin Piagam Muafakat Nasional dimeterai kedua parti berkenaan semalam, tidak mungkin ber-

laku jika Umno terus mentadbir negara.

"Kejayaan PH menyebabkan Umno dan Pas cuba melakukan apa yang dilakukan PH (bergabung).

"Kemunculan PH menggesa kedua-dua parti berkenaan mewujudkan gabungan itu," katanya ketika dijumpai pada program Larian Merdeka Malaysia di sini, semalam.

Kemunculan PH gesa Umno-Pas wujud gabungan

han Pas-Umno, dasar pertanian, dasar peluang pekerjaan, dasar hubungan kaum

dan lain-lain," katanya. Beliau berkata, dengan perkembangan ini, rakyat

dapat diberikan pilihan untuk menilai berdasarkan dasar yang ditawarkan ini.

Harian Metro

Apa pun saya ucapkan syabas dan tahniah kepada kedua-dua parti ini dalam membentuk satu penyatuhan semalam (kelmarin). Namun, model ini bukan coalition, tetapi hanyalah persefahaman, coalition seperti PH ada strukturnya"

Saifuddin Nasution Ismail

"Biar rakyat dihidangkan dengan dasar ini daripada kita bercakap mengenai perkara berkaitan dengan acuan perkauman kerana itu sangat tidak sihat.

"Jadi kalau ini adalah permulaan kepada sistem dua parti ke arah memberikan peluang kepada rakyat negara ini menilai gabungan parti politik berdasarkan dasar dan program, itu akan memberikan satu era kematan politik.

"Dan itu saya ucapkan tahniah," katanya.

Saifuddin berkata, berkenaan pelan atau rancangan Pas untuk menyertakan Umno dalam kepemimpinan negeri diterajui mereka di Kelantan dan Terengganu, beliau mengambil sikap tunggu dan lihat.

"Saya mengambil sikap tunggu dan lihat berkenaan rancangan itu sebagai eksperimen yang penting jika ia dapat dilaksanakan," katanya.

HARI :
TARIKH : 16/9/2019
MSURAT : 26A

ISNIN